



## **ARAK DIHIDANGKAN DALAM SESUATU MAJLIS ATAU JAMUAN**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

1. Jika benar majlis kerajaan menghidangkan arak, pada pandangan saya perkara ini amat mengecewakan kerana bertentangan dengan syariat dan pegangan Islam serta konsep Islam Madani yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Maka, penyajian arak dalam majlis rasmi kerajaan yang dihadiri oleh orang Islam adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai-nilai yang dijunjung oleh majoriti rakyat Malaysia. Pada hemat saya, penyajian arak dalam majlis rasmi kerajaan adalah tidak wajar dan tidak boleh diterima, tidak kira sama ada ia dibiayai menggunakan dana kerajaan mahupun ditaja oleh pihak industri."
2. Penganjuran majlis sedemikian pada hakikatnya menyusahkan banyak pihak. Para kakitangan awam Islam yang bertugas terpaksa menguruskan minuman haram. Walaupun mungkin majlis tersebut bersifat antarabangsa atau melibatkan tetamu bukan Islam, kerajaan perlu bijak dalam menjaga sensitiviti agama dan imej sebagai pemerintah di negara majoriti Islam. Tindakan seperti ini boleh menimbulkan kekecewaan rakyat dan membuka ruang kepada polemik yang merugikan.



## **ARAK DIHIDANGKAN DALAM SESUATU MAJLIS ATAU JAMUAN**

3. Muslim yang bertakwa wajib menjauhkan diri daripada menghadiri majlis-majlis seumpama ini apatah lagi jika diadakan dalam negara ini tanpa sebarang keperluan. Sebagaimana Firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah ayat 90 telah memerintahkan umatnya supaya menjauhi najis arak ini iaitu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَنِ  
فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

4. Budaya luar negara tidak boleh dijadikan alasan atau justifikasi dengan isu ini. Walaupun pemimpin negara kita mungkin dijemput menghadiri mesyuarat atau taklimat di luar negara yang menghidangkan minuman keras. Walau bagaimanapun, mereka tetap terikat untuk menolaknya dengan tegas demi memelihara maruah diri dan mematuhi tuntutan agama.



## **ARAK DIHIDANGKAN DALAM SESUATU MAJLIS ATAU JAMUAN**

5. Saran saya semua pihak hendaklah sentiasa patuh kepada garis panduan penganjuran majlis rasmi kerajaan yang melarang hidangan minuman keras, agar setiap aspek pelaksanaannya mematuhi nilai, adab serta prinsip yang selaras dengan ajaran Islam.
6. Malaysia sebagai negara pelbagai kaum atau majmuk tidak perlu mengorbankan nilai Islam dalam menganjurkan majlis rasmi kerajaan. Walau bagaimanapun, hak bukan Islam untuk mengambil minuman keras secara peribadi tetap dihormati, namun perkara ini tidak wajar dijadikan hidangan dalam majlis kerajaan

**TERIMA KASIH**

**PROF. DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM. DSAS., DSSS., PMK.  
SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI PAHANG**

**06 OKTOBER 2025M BERSAMAAN 14 RABIULAKHIR 1447H**